

Memperkenalkan Yesus

Pelajaran daripada
Injil Markus

Panduan Ketua



Scripture
Union 读经会

SEMENANJUNG MALAYSIA

Nota Ketua - Pelajaran 1: Siapakah Yesus? Yesus ialah Kristus (Markus 1:1-11)

1. Doa pembukaan.

2. Cadangan Lagu Pembukaan: Dia Raja segala raja (Penulis lagu: Virgil Meares).

3. Sebagai pemula:

Bahagikan pelajar dalam beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang individu terkenal yang diketahui atau diminati mereka, dan apa yang menjadikan individu tersebut terkenal.

4. Permainan: Berita, berita, Injil!

(Serupa dengan Itik, itik, angsa)

Sesuai dengan kumpulan kecil (8-20 orang).

Arahan:

- Setiap orang duduk dalam bulatan.
- Seorang ketua akan dipilih untuk memulakan permainan.
- Ketua berjalan mengelilingi bulatan dari luar dan menyentuh kepala setiap orang yang dilaluinya.
- Sambil menyentuh kepala pelajar, ketua itu akan mengatakan 'Berita'.
- Jika ketua itu menyentuh kepala seseorang dan mengatakan 'Injil', orang yang disentuh kepalanya (si penangkap) harus bangun dan mengejar ketua tersebut.
- Ketua tersebut harus cuba melarikan diri daripada si penangkap tadi dan duduk di tempat kosong si penangkap sebelum dia ditangkap.
- Sekiranya ketua tadi tertangkap, dia harus mengulang pusingan semula, tetapi jika dia berjaya duduk, si penangkap tadi akan menjadi ketua baru untuk pusingan seterusnya.

5. Latar belakang Injil Markus:

Nota tambahan:

- Injil Markus ditulis oleh Yohanes Markus (John Mark). Dia menulis tentang kehidupan Yesus yang didengarnya melalui Rasul Petrus, iaitu salah seorang murid Yesus yang paling akrab.
- Injil Markus adalah tentang Yesus: siapa Dia, apa yang dilakukan-Nya dan apa makna mengikut Dia.

6. Meneliti petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 1:1-11 bersama-sama.
Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Apakah maksud perkataan ‘Injil’? (a1) **Berita Baik**

S2. Tentang siapakah Injil itu? (a1) **Yesus.**

S3. Bagaimanakah Yesus digambarkan dalam petikan ini?

- Dia ialah **Kristus.** (a1)
- Dia ialah **Anak Allah.** Dia ialah **Allah.** (a1, 11)
- Dia ialah **Tuhan.** Dia ialah Allah kepada **umat-Nya.** (a3)

S4. Apakah yang dilakukan oleh Yohanes Pembaptis?

- Dia **menyediakan** dan **meluruskan** jalan untuk Yesus. (a2-3)
- Dia melakukannya dengan membaptis orang dengan **air** yang menandakan **pertaubatan** dan **pengampunan** dosa-dosa. (a3-5)

S5. Apakah yang Yesus lakukan?

Dia membaptis orang dengan **Roh Kudus.** (a7-8)

7. Nota tambahan:

- ‘Kristus’ atau ‘Mesias’ (bermaksud ‘Yang Diurapi’) ialah Raja yang dinanti-nantikan oleh orang Israel, Dialah yang dijanjikan Allah untuk menyelamatkan umat-Nya.
- Pertaubatan bermaksud kembali semula dan bermula lagi dari pangkal jalan. Pendek kata, pertaubatan ialah penyesalan atas dosa-dosa lalu dan mahu bermula lagi dengan betul.
- Alkitab memberitahu kita bahawa baptisan Roh Kudus berlaku ketika seseorang menaruh kepercayaannya kepada Yesus sebagai Penyelamat dan Tuhan. Roh Kudus tinggal dalam hati orang yang percaya kepada Yesus dan menolong mereka bertumbuh semakin seperti Yesus hari demi hari.

8. Berfikir-fikirlah:

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan.

- Orang Israel telah lama menantikan Mesias, iaitu Kristus, Anak Allah, yang akan datang dan membawa pemulihan kepada bangsa Israel.
- Kristus yang dinantikan mereka ialah Dia yang akan menyelamatkan mereka daripada musuh dan membawa mereka kepada kebebasan politik. (Roma merupakan kuasa besar pada masa itu).
- Walau bagaimanapun, Yesus muncul dengan sangat berbeza. Untuk mengetahui mengapa Dia berbeza, datanglah pada minggu hadapan!
- Jika Yesus ialah Kristus yang benar dan layak, dan jika Dia sememangnya Anak Allah, kita semua perlu memberikan sambutan yang sesuai kepada-Nya.
- Bagaimanakah sambutan anda kepada Anak Allah? – Akankah anda menerima-Nya selaku Tuhan anda? Atau anda mengabaikan dan menolak Dia, dan terus menghormati orang lain atau sesuatu yang lain sebagai yang lebih besar?

Memperkenalkan Yesus – Panduan Pemimpin

- Bagaimanakah hidup anda jika Yesus menjadi Tuhan anda? Mungkinkah hidup anda berbeza daripada hidup anda sekarang?

9. **Sambutan kepada Firman Allah:** Masa doa berkumpulan.

10. **Mengkaji lebih dalam:**

Ajak pelajar membaca Markus 1:9-11 lagi.

- Baptisan air ialah tanda pertaubatan dan pengampunan dosa-dosa, tetapi Yesus yang tidak berdosa telah dibaptiskan pada awal pelayanan-Nya. Ini menunjukkan bahawa Yesus menjadi wakil bagi umat Allah. Dialah satu-satunya yang membolehkan mereka balik ke pangkal jalan.
- Kita mendapati bahawa Yesus menanggung hukuman dosa-dosa mereka dengan mati di kayu salib, tempat di mana umat-Nya sepatutnya berada, agar hubungan mereka dengan Allah dipulihkan.
- Bukankah menakjubkan bahawa Tuhan yang mulia itu sanggup datang ke dunia untuk hidup dengan manusia dan mewakili orang seperti kita demi menyelamatkan kita? Bagaimanakah perasaan anda?

11. **Cadangan lagu penutup:** *Jesus Christ Is The Lord Of All* (Penulis lagu: Kirchienlider).

12. **Doa penutup.**

Nota Ketua - Pelajaran 2: Siapakah Yesus? Kuasa Yesus terhadap manusia dan wibawa-Nya untuk mengajar (Markus 1:16-22)

1. Doa pembukaan.

2. **Cadangan lagu pembukaan:** *The B-I-B-L-E* (© PC Treasures) atau *Jesus, Name Above All Names* (Naida Hearn).

3. Sebagai pemula:

Bahagikan pelajar dalam beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang adiwira kegemaran mereka. Kuasa apa yang ada pada adiwira itu?

4. Permainan: **Yesus berkata** (serupa dengan ‘Simon berkata’).

- Sesuai untuk kumpulan kecil, sederhana dan besar.
- Arahan:
 - a) Beritahu pelajar untuk melakukan aksi tertentu.
 - b) Pelajar hanya melakukan sesuatu aksi jika anda mengatakan ‘Yesus berkata’ dan bukannya nama lain. Sebagai contoh, “Yesus berkata, ‘Sentuh hidung anda’”, “Yesus berkata, ‘Berdiri’”.
 - c) Berikan satu urutan arahan untuk menguji tumpuan pelajar.
 - d) Anda boleh bermain untuk beberapa pusingan dan pelajar digalakkan untuk menumpukan perhatian supaya melakukan aksi yang betul.
 - e) Cadangan seterusnya: Untuk pusingan yang selanjutnya, anda boleh meningkatkan tahap kesukaran permainan dengan meminta mereka melakukan aksi-aksi apabila mereka mendengar ‘Yesus berkata’, ‘Kristus berkata’, ‘Allah berkata’, dan sebagainya.

5. **Ulang Kaji Pelajaran 1 – Markus 1:1-11**

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingat apa yang telah dipelajari pada minggu sebelumnya.

6. **Meneliti petikan:**

Ajak pelajar membaca Markus 1:16-22 bersama-sama.
Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Siapakah yang Yesus temui ketika Dia berjalan di pinggir Laut Galilea dan apakah pekerjaan mereka? (a16, 19)

- Dia bertemu dengan **Simon**, **Andrew**, **Yakobus**, dan **Yohanes** yang bekerja sebagai **nelayan**.

S2. Apakah yang Yesus katakan kepada mereka? (a17, 20)

- **Ikutlah** Aku dan Aku akan menjadikan kamu penjala insan.

S3. Bagaimanakah sambutan mereka? Kuasa apakah yang ditunjukkan oleh Yesus? (a18, 19)

- Mereka meninggalkan jala mereka dan **mengikut** Dia.
- Hal ini menunjukkan bahawa Yesus berkuasa atas **manusia**.

S4. Apakah yang Yesus lakukan di saumaah di Kapernaum? Apakah yang berbeza dengan cara Yesus mengajar? (a21-22)

- Dia **mengajar** orang di saumaah.
- Dia mengajar dengan penuh **wibawa**, tidak seperti ahli Taurat mereka.

7. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan.
- Kita sering mempunyai orang yang 'berkuasa' dalam hidup kita – mungkin mereka ialah ibu bapa kita, abang atau kakak, guru-guru, pemimpin kerajaan, dan sebagainya.
- Kita sering beranggapan bahawa berada di bawah kuasa seseorang sebagai sesuatu yang negatif kerana kita mungkin dijadikan 'orang suruhan' dan diarahkan untuk melakukan banyak hal yang kita tidak mahu lakukan ataupun dilarang berbuat ini dan itu) yang kita mahu lakukan.
- Bagaimanapun, memang baik mempunyai orang yang berkuasa atas kita untuk menjaga dan mengambil berat tentang kita.
- Kebenaran yang menyedihkan ialah manusia yang berkuasa adalah tidak sempurna. Oleh itu, mereka tidak bertindak dengan betul setiap masa dan kitalah yang menanggung akibatnya.
- Tetapi bezanya apabila Yesus sebagai Tuhan berkuasa atas hidup kita ialah Dia adalah sempurna dan akan selalu bertindak dengan betul.
- Kita boleh mempercayakan hidup kita seluruhnya di bawah penjagaan Yesus sebagai Tuhan kita.
- Begitu juga halnya apabila kita mendengar kata-kata atau arahan pihak yang berkuasa atas kita.
- Sungguhpun manusia yang berkuasa menyimpang dan melakukan kesilapan, kata-kata Yesus tetap sempurna. Oleh itu, kita sepatutnya berpegang teguh pada kata-kata Yesus.
- Sememangnya, Firman-Nya lampu bagi kakiku, dan cahaya bagi jalanku. (Mazmur 119:105)

8. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpul

9. Mengkaji lebih dalam:

- Minta pelajar membaca Markus 1:21-22 lagi.
- Pada zaman Yesus, ahli-ahli Taurat (guru-guru agama Yahudi) selalu mengajar di saumaah (rumah ibadat orang Yahudi) dengan memetik nama (wibawa) guru agama yang lain, iaitu orang yang pernah menjadi guru mereka sebelum itu.
- Walau bagaimanapun, Yesus mengajar dalam nama dan kuasa-Nya sendiri kerana Dialah Allah.
- Ini menjadikan ajaran Yesus berbeza daripada ajaran guru-guru agama yang lain pada zaman-Nya.
- Betapa mengagumkan! Bayangkan duduk di kaki Allah dan belajar daripada-Nya!
- Dengan itu, tidak mustahil bagi Allah bercakap dengan kita, walaupun pada zaman ini!
- Pada bila-bila masa kita membuka Alkitab dan membacanya, Allah bercakap dengan kita dan mengajar kita dengan kuasa dan wibawa!

10. Cadangan lagu penutup: *I Have Decided To Follow Jesus* (Penulis lagu: Sadhu Sundar Singh).

11. Doa penutup.

Nota Ketua – Pelajaran 3: Siapakah Yesus? Kuasa Yesus atas roh jahat dan penyakit (Markus 1:23-31)

1. Doa pembukaan.

2. Cadangan lagu pembukaan: *I'm So Glad Jesus Set Me Free* (Penulis lagu: Billy Funk dan Martin J. Nystrom)

3. Untuk permulaan:

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang sesuatu yang sangat ditakuti mereka dan mengapa mereka begitu takut akhirnya.

4. Permainan: Teka siapa ketua

Sesuai untuk kumpulan kecil atau sederhana (8-20 pelajar).

Arahan:

- Minta pelajar-pelajar duduk dalam bulatan.
- Seorang pelajar akan dipilih sebagai peneka dan perlu meninggalkan bilik.
- Selepas peneka meninggalkan bilik, pilih pelajar lain untuk menjadi “ketua” rahsia bagi kumpulan.
- Ketua tersebut akan membuat sesuatu aksi (cth. menepuk tangan) dan pelajar-pelajar yang lain akan menirunya.
- Peneka akan diminta masuk ke bilik kembali.
- Ketua akan mengubah aksinya secara diam-diam dari semasa ke semasa dan pelajar-pelajar yang lain akan meniru setiap aksi baharu.
- Peneka mempunyai 2 peluang untuk meneka siapa ketua.
- Permainan ini boleh diteruskan beberapa pusingan dengan pelajar yang berbeza bergilir-gilir menjadi ketua dan peneka.

5. Ulang kaji Markus 1:16-22:

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

6. Meneliti petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 1:23-31.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Yesus sedang mengajar di saumaah apabila seorang lelaki tiba-tiba berteriak. Mengapakah dia berteriak? (a23)

- Orang tersebut dirasuk roh jahat.

S2. Roh jahat yang merasuk lelaki itu mengenal Yesus sebagai siapa? (a24)

- Dia mengenal Yesus sebagai **Yang Suci** daripada **Allah**.

S3. Bagaimanakah reaksi roh jahat itu terhadap perintah Yesus dan apakah iktibar yang ditunjukkan daripada hal ini? (a25-26)

- Roh jahat itu **menurut** perintah Yesus dan keluar daripada tubuh orang itu.
- Ini menunjukkan kepada kita bahawa Yesus berkuasa atas **roh jahat**.

S4. Ketika Yesus pergi ke rumah ibu mertua Simon, apakah yang terjadi kepada wanita itu? (a29-30)

Ibu mertua Simon sedang **demam**.

S5. Apakah yang telah Yesus lakukan untuknya dan apa yang kita pelajari daripada hal ini? (a31)

- Yesus **menyembuhkan** dia.
- Ini menunjukkan bahawa Yesus berkuasa atas **penyakit**.

7. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan.
- Orang sering takut akan roh jahat. Oleh sebab itulah, ada orang yang takut menonton filem seram!
- Roh jahat, hantu atau iblis seringkali digambarkan sebagai yang lebih berkuasa daripada kita dan watak dalam filem-filem ini tidak berdaya melawan roh jahat itu.
- Kita mungkin takut kepada mereka kerana kita menganggap mereka mempunyai kuasa untuk menyakiti atau mencederakan kita.
- Bagaimanapun, Yesus lebih berkuasa sehingga roh-roh jahat itu gementar dan takut kepada-Nya!
- Oleh itu, kita yang bernaung di bawah Yesus yang menjadi Tuhan kita, tidak perlu takut kepada mereka sama sekali kerana Yesus lebih besar daripada mereka semua.
- Begitu juga halnya tentang penyakit. Ramai yang takut jatuh sakit, terutama apabila penyakit tersebut menjejaskan kemampuan untuk belajar, bermain dan melakukan aktiviti-aktiviti kebiasaan kita.
- Mungkin anda mengetahui orang kesayangan yang sedang menderita penyakit serius. Penderitaan bukanlah suatu perkara yang menyenangkan.
- Yesus menunjukkan kuasa dan kewibawaan-Nya atas penyakit.
- Dia menyembuhkan ramai yang sakit dan menderita, termasuk ibu mertua Petrus.
- Dia berbelas kasihan dan maha penyayang kepada semua orang sakit.
- Jadi, janganlah teragak-agak untuk mendoakan orang kesayangan kita apabila mereka sakit, bahkan untuk diri sendiri juga!
- Ketahuilah bahawa Yesus mendengar ketika anda berdoa dan percayalah kepada kebaikan-Nya untuk memberikan apa yang terbaik kepada anda dan orang kesayangan anda.
- Dia tidak akan meninggalkan dan menghampakan kita semasa kita sakit.

8. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpulan

9. Mengkaji lebih dalam:

- Minta pelajar-pelajar membaca Markus 1:32-34 lagi.
- Mengapakah Yesus tidak membenarkan roh-roh jahat untuk mendedahkan identiti-Nya sebagai Kristus?
- Sebabnya Yesus baru sahaja memulakan pelayanan-Nya dan sedang memenuhi rancangan Allah untuk menyelamatkan manusia.
- Identiti-Nya sebagai Kristus yang akan menderita, mati dan bangkit semula hanya akan didedahkan satu persatu semasa Dia meneruskan pelayanan-Nya.
- Ini sering dikenali oleh para cendekiawan Alkitab sebagai 'Rahsia Kemesiasan' (Pada awalnya, Yesus tidak mendedahkan identiti-Nya).
- Bukankah menakjubkan kini kita mengetahui Yesus sebagai Kristus dan dapat mengisytiharkan identiti-Nya kepada seluruh dunia?

10. Cadangan lagu penutup: *I Have Decided To Follow Jesus* (Penulis lagu: Sadhu Sundar Singh) atau *O Let The Son Of God Enfold You* (John Wimber)

11. Doa penutup.

Nota Ketua – Pelajaran 4: Siapakah Yesus? Kuasa Yesus untuk mengampuni dosa-dosa (Markus 2:1-12)

1. Doa pembukaan.

2. Cadangan lagu pembukaan: *God is so good* (lagu tradisional kanak-kanak).

3. Untuk permulaan:

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang keperluan mereka yang terbesar dalam hidup dan mengapa sedemikian.

4. Ulang Kaji Markus 1:23-31:

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. Aktiviti (Drama):

Minta pelajar melakonkan cerita Alkitab daripada Markus 2:1-12.

6. Meneliti petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 2:1-12.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Yesus sedang mengajar di sebuah rumah yang dipenuhi orang di Kapernaum. 4 orang mengusung seorang untuk berjumpa dengan Yesus. Apakah kesusahan yang dihadapi oleh orang yang diusung itu? (a1-3)

- Dia seorang yang **lumpuh**.

S2. Bagaimanakah mereka berjaya mengusung orang itu ke dalam rumah sedangkan rumah itu penuh dengan orang? (a4)

- Mereka **membuka bumbung** rumah dan menurunkan orang lumpuh yang terbaring di atas **tikar**, betul-betul di hadapan Yesus.

S3. Apakah yang Yesus katakan kepada orang lumpuh itu? (a5)

- Yesus memberitahu bahawa **dosanya telah diampunkan**.

S4. Mengapakah ahli-ahli Taurat (pemimpin-pemimpin agama orang Yahudi) tidak senang apabila Yesus mengatakan bahawa dosanya telah diampunkan? (a7)

- Mereka menyangka Yesus **mengkufuri** Allah kerana **Allah** sahaja yang boleh mengampunkan dosa-dosa.

55. Yesus mencabar para ahli Taurat tentang apa yang difikirkan mereka. Pada pandangan anda, yang manakah lebih mudah dikatakan kepada orang lumpuh itu? (a9)

- Dosamu telah diampunkan.
- Bangun, angkat tikarmu dan berjalan.

56. Apakah yang Yesus lakukan dan mengapakah Dia berbuat demikian? (a10-11)

- Yesus **menyembuhkan** orang lumpuh itu dengan menyuruhnya bangun, mengangkat tikarnya dan berjalan.
- Yesus melakukan ini untuk **membuktikan** bahawa Dia mempunyai **kuasa** untuk **mengampunkan** dosa-dosa.

57. Melalui kejadian ini, apakah yang kita pelajari tentang Yesus?

- Dia ialah **Allah**.

7. Nota tambahan:

- ‘Mengkufuri’ bererti berkata-kata buruk dan menjatuhkan martabat Allah atau melawan Allah.
- Ahli-ahli Taurat menuduh Yesus mengkufuri Allah apabila Dia memberitahu orang lumpuh itu bahawa dosanya telah diampunkan kerana dengan mengatakan sedemikian, Yesus mengakui bahawa Dialah Allah.
- Lebih mudah bagi Yesus mengatakan, “Dosamu telah diampunkan,” berbanding dengan, “Angkat tikarmu dan berjalan,” kerana pernyataan awal itu tidak dapat dibuktikan.
- Bagaimanapun, Yesus membuktikan bahawa Dia berkuasa mengampunkan dosa-dosa dengan menyembuhkan orang lumpuh itu juga.
- Ini menunjukkan kepada kita bahawa Dialah Allah.

8. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan dan menyedari bahawa setiap orang perlu datang kepada Yesus untuk pengampunan dosa yang hanya Dia, sebagai Allah, boleh tawarkan.
- Bayangkan anda ialah orang lumpuh itu. Apakah harapan terbesar anda jika anda bertemu dengan Yesus?
- Sudah tentu anda mengharapkan Dia untuk menyembuhkan anda supaya anda boleh berdiri dan berjalan lagi!
- Bagaimanapun, jika anda mendengar kata-kata Yesus, “Dosamu telah diampunkan” – bagaimanakah perasaan anda?
- Bingung – kerana bukan itu yang anda jangkakan?
- Marah – kerana Yesus secara tidak langsung mengatakan anda seorang berdosa?
- Kecewa – kerana Yesus tidak memberikan penyembuhan yang anda kehendaki?
- Berita baik ialah bahawa Yesus membuktikan kemampuan-Nya untuk mengampunkan dosa-dosa dengan menyembuhkan orang lumpuh itu!
- Itu menunjukkan bahawa masalah terbesar dalam hidup orang lumpuh tersebut bukanlah penyakitnya.

Memperkenalkan Yesus – Panduan Pemimpin

- Masalah terbesar bagi dia dan juga kita semua ialah keperluan untuk diampuni daripada dosa-dosa kita.
- Untuk mengetahui lebih banyak lagi tentang dosa, datanglah lagi pada minggu hadapan.
- Buat masa ini, renungilah cerita ini dan tanyakan diri anda – sudahkah anda datang kepada Yesus dan mengakui bahawa anda perlu diampuni daripada dosa-dosa anda?

9. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpulan

10. Mengkaji lebih dalam:

Minta pelajar-pelajar membaca Markus 2:13-17.

- Yesus makan dan bergaul dengan orang yang dianggap orang terbuang atau orang 'berdosa', iaitu mereka yang dijauhi atau dipandang rendah oleh masyarakat pada masa itu.
- Bagaimanapun, pelayanan Yesus adalah untuk memanggil dan menyelamatkan orang berdosa (mereka yang sedar bahawa mereka memerlukan Penyelamat) dan bukan orang benar (mereka yang menyangka bahawa mereka suci dan benar di hadapan Allah berdasarkan agama atau akhlak mereka).
- Adakah Yesus akan berkongsi makanan dengan orang seperti saya dan anda? Dia pasti berbuat demikian!
- Tetapi ini menimbulkan pertanyaan yang mendalam kepada kita sebagai pengikut Yesus; adakah kita juga akan menyambut mereka yang dianggap sebagai orang terbuang, sampah masyarakat dan 'yang berdosa'?
- Kita akan berbuat demikian jika kita sedar bahawa pada hakikatnya, kita semua orang berdosa yang memerlukan pengampunan.

11. Cadangan lagu penutup: *For God So Loved The World* (Yohanes 3:16) (Penulis lagu: John Harwick)

12. Doa penutup.

Nota Ketua – Pelajaran 5: Siapakah Yesus? Kuasa Yesus atas alam semula jadi (Markus 4:35-41)

1. Doa pembukaan.

2. **Cadangan lagu pembukaan:** *With Christ in the vessel* (lagu kanak-kanak Kristian yang terkenal).

3. Untuk permulaan:

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang apa yang akan dilakukan mereka apabila mereka berasa takut atau gelisah.

4. Ulang kaji Markus 2:1-12:

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. Permainan: Perlumbaan sampan!

(Keperluan: Sampan kertas – ini boleh dibuat lebih awal dengan mengikut arahan mana-mana origami daripada laman sesawang.

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan.
- Setiap kumpulan diberi sampan kertas.
- Kertas sampan itu diletakkan sebaris di satu penghujung bilik.
- Tandakan garisan penamat pada jarak yang bersesuaian.
- Seorang wakil dipilih daripada setiap kumpulan dan mereka perlu berlutut (atau berlagak seperti merangkak) di belakang setiap sampan pada garisan permulaan perlumbaan.
- Semasa perlumbaan bermula, setiap wakil perlu meniup sampan kertas terus-menerus untuk menggerakkannya sehingga sampan tersebut sampai di garisan penamat.
- Wakil kumpulan yang pertama sekali sampai di garisan penamat memenangi perlumbaan tersebut dan akan mengumpulkan markah bagi kumpulannya.
- Perlumbaan ini akan diulang satu atau dua pusingan lagi untuk wakil lain daripada setiap kumpulan.

6. Meneliti petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 4:35-41.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Apakah yang dilakukan oleh Yesus dan murid-murid-Nya? (a35-36)

- Mereka menaiki **perahu** untuk pergi ke seberang laut.

S2. Apakah yang berlaku ketika mereka berada di dalam perahu? (a37)

- **Angin** ribut bertiup kencang dan ombak melanda perahu sehingga hampir **tenggelam**.

S3. Yesus sedang tidur di buritan perahu. Mengapakah murid-murid-Nya membangunkan Dia? (a38)

- Mereka takut mereka akan **karam**.

S4. Apakah yang Yesus lakukan dan apakah kesannya? (a39)

- Yesus **menegur** angin dan ombak. Angin pun reda dan laut menjadi **tenang**.

S5. Murid-murid Yesus berasa gerun dan berkata sesama sendiri, “Siapakah Dia ini? Angin dan ombak pun mengikut perintah-Nya!” Bagaimanakah anda akan menjawab soalan ini? (a41)

- Yesus ialah **Allah**.

7. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan dan mengulang kaji pelajaran yang lalu demi mendorong mereka untuk berfikir siapa Yesus bagi mereka.
- Setakat ini, murid-murid Yesus telah melihat perbuatan-perbuatan Yesus yang menakutkan – menyembuhkan orang sakit, mengusir iblis, dan mengajar dengan kuasa yang besar. Pada hari tersebut mereka menyaksikan Dia menenangkan angin ribut dengan hanya memberikan satu arahan!
- Bagaimanapun, murid-murid Yesus berasa takut. Sebenarnya, mereka berasa takut dua kali dalam kejadian yang sama.
- Mereka gagal mengenal Yesus sebagai Allah. Oleh sebab itu, mereka ketakutan ketika berhadapan dengan angin ribut yang bertiup kencang dan ombak yang melanda perahu kerana situasi tersebut dapat mengancam nyawa mereka.
- Sekiranya mereka mengetahui siapa Yesus sebenarnya, sambutan mereka bukanlah ketakutan tetapi iman dan keyakinan.
- Kedua, selepas Yesus menenangkan ribut taufan itu, mereka gagal mengetahui siapa Yesus sebenarnya. Hal ini menyebabkan mereka takut pula kepada-Nya.
- Pertanyaan mereka, “Siapakah Dia ini? Angin dan ombak pun mengikut perintah-Nya!” mengandungi jawapan yang jelas, iaitu, hanya Allah yang mampu.
- Bagaimanakah sambutan anda? Adakah anda berhadapan dengan situasi yang kelihatan sukar dan menakutkan?
- Persoalannya ialah sama ada anda sedar atau tidak bahawa Yesus ada bersama-sama anda dan segala-galanya berada dalam kawalan-Nya.
- Segala ciptaan berada di bawah kuasa-Nya.
- Pertanyaan yang lebih penting ialah sama ada anda mengenali Dia atau tidak. Jika anda mengenal Dia, apakah yang menghalang anda daripada mempercayai semua perkara ke dalam tangan-Nya?

8. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpulan

9. Mengkaji lebih dalam: Markus 3:31-35

- Ketika orang ramai memberitahu Yesus bahawa ibu dan saudara-saudara-Nya sedang mencari Dia, Dia menjawab bahawa sesiapa yang melakukan kehendak Allah ialah saudara-saudara-Nya.
- Pada fikiran anda, apakah maksud Yesus sewaktu Dia bercakap tentang kehendak Allah dalam petikan ini? Yohanes 6:29 memberitahu kita bahawa pekerjaan yang dikehendaki Allah ialah supaya kita percaya kepada Dia yang diutus-Nya, iaitu Yesus.
- Sebab itu, sesiapa yang percaya kepada Yesus merupakan saudara-Nya.
- Bukankah begitu indah untuk menjadi sebahagian daripada keluarga Yesus? Sesungguhnya, hal ini suatu keistimewaan!
- Bayangkan pada hari semua orang percaya daripada bangsa, suku dan bahasa yang berbeza, berkumpul bersama-sama sebagai satu keluarga dan hidup di bawah pemerintahan-Nya! Hari itu akan tiba apabila Yesus datang kembali!

10. Cadangan lagu penutup: Dalam Yesus Kita Bersaudara (Penulis lagu: Rico Desrianto)

11. Doa penutup.

Nota Ketua – Pelajaran 6: Siapakah Yesus? Kuasa Yesus atas kematian (Markus 5:21-43)

1. Doa pembukaan.

2. Cadangan lagu pembukaan: Yohanes 3:16 (Penulis lagu: John Harwick) atau *Majesty* (Jack Hayford).

3. Untuk permulaan:

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang kebimbangan mereka jika kehilangan orang kesayangan dan setakat mana mereka akan berusaha menyelamatkan orang tersebut.

4. Ulang kaji Markus 4:31-35:

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. Permainan: ‘Splat!’

- Minta pelajar-pelajar untuk membuat satu bulatan (jika jumlah mereka besar, boleh dibuat beberapa bulatan).
- Satu orang hendaklah berdiri di tengah-tengah setiap bulatan. Dia ialah ‘penembak.’
- Setiap pemain yang lain memegang senapang khayalan yang dihalakan ke atas.
- Si penembak akan membidik seorang (pemain 1) dengan senapang khayalannya dan berteriak ‘splat!’
- Pemain-pemain yang berada di sebelah kiri dan kanan pemain 1 harus ‘menembak’ satu sama lain dan menjerit, ‘splat!’ sementara pemain 1 harus mencangkung.
- Satu daripada yang berikut mungkin berlaku:
 - Pemain 1 gagal mengelak dengan pantas, terkena tembakan dan terkeluar daripada kumpulannya;
 - Salah seorang pemain yang terlambat mengatakan ‘splat!’, ditembak lalu terkeluar daripada kumpulannya;
 - Pemain 1 mengelak pada masa yang tepat dan pemain di kiri atau kanannya mengatakan ‘splat!’ serentak. Tiada sesiapa yang terkeluar daripada kumpulannya dan permainan diteruskan.
- Jika seseorang secara tidak sengaja mengelak atau menembak padahal mereka tidak sepatutnya berbuat demikian, mereka juga akan terkeluar daripada kumpulannya.
- 2 orang pelajar terakhir yang dapat bertahan akan menjadi pemenang dalam permainan tersebut.

- Ini ialah permainan yang menyeronokkan kerana pemain-pemain ‘berusaha sedaya upaya’ untuk ‘terus hidup’. Ini membantu pelajar-pelajar untuk menumpukan pemikiran tentang isu ‘kematian’ yang akan kita pelajari daripada petikan Alkitab.

6. Meneliti petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 5:21-43.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Seorang lelaki yang bernama Yairus datang menemui Yesus. Apakah yang dilakukannya dan mengapakah dia berbuat demikian? (a22-23)

- Dia sujud di hadapan Yesus dan memberitahu Dia bahawa anak perempuannya sakit tenat dan hampir mati.
- Dia merayu supaya Yesus datang bersama-samanya dan meletakkan tangan-Nya pada anak perempuannya supaya dia sembuh dan dapat terus hidup.

S2. Apakah yang berlaku ketika mereka dalam perjalanan ke rumah Yairus? (a35)

- Beberapa orang pesuruh datang memberitahu Yairus bahawa anak perempuannya sudah mati.

S3. Apakah yang Yesus katakan kepada Yairus? (a36)

- Yesus memberitahu Yairus supaya jangan takut, percaya sahaja.

S4. Apakah yang Yesus katakan sewaktu Dia melihat orang meratap di rumah Yairus? (a39)

- Yesus memberitahu mereka bahawa anak perempuan itu tidak mati tetapi tidur.

S5. Selepas itu, apakah yang Yesus lakukan terhadap anak perempuan Yairus? (a41-42)

- Yesus memegang tangan anak itu lalu berkata kepadanya supaya bangun. Anak perempuan itu segera bangkit lalu berjalan.
- Yesus telah membangkitkannya daripada kematian.

S6. Melalui peristiwa ini, kuasa apakah yang ditunjukkan oleh Yesus?

- Ini menunjukkan bahawa Yesus berkuasa atas kematian.

7. Berfikir-fikirlah:

- Yairus sangat terdesak untuk mendapatkan pertolongan Yesus. Anak perempuannya sedang berada di ambang maut.
- Walaupun dia seorang pemimpin agama yang dihormati, dia sujud di kaki Yesus dan merayu kepada Yesus supaya datang dan menyembuhkan anak perempuannya. Maka Yesus mengikutinya ke rumahnya.
- Tetapi dalam perjalanan, Yairus mendapat berita buruk. Anak perempuannya telah meninggal dunia.
- Bagaimanapun, Yesus memberitahu dia supaya jangan takut, tetapi percaya sahaja.
- Bolehkah Yairus benar-benar percaya bahawa Yesus dapat membantu anak perempuannya yang sudah mati?

Memperkenalkan Yesus – Panduan Pemimpin

- Yang menariknya, Yesus memberitahu orang di rumah Yairus bahawa anak perempuan Yairus tidak mati, tetapi hanya tidur.
- Sudah pastilah, anak perempuan Yairus telah mati, tetapi bagi Yesus, kematian fizikal anak perempuan Yairus hanyalah seperti tidur kerana dia akan dibangunkan sebentar lagi!
- Kemudian Yesus melakukan sesuatu yang mengagumkan!
- Dia membangkitkan anak Yairus semula!
- Apakah yang disampaikan tentang Yesus kepada kita?
- Dia mempunyai kuasa, bahkan atas kematian!
- Hal ini mengingatkan kita lagi bahawa Dia ialah Allah!
- Kisah ini hanyalah gambaran kecil tentang satu kebenaran yang jauh lebih indah, iaitu anugerah yang Yesus berikan kepada manusia.
- Apakah kebenaran ini? – Semua orang yang percaya kepada Yesus tidak perlu takut akan kematian kerana Alkitab memberitahu kita bahawa setiap orang yang percaya kepada Yesus tidak akan binasa, tetapi memiliki hidup kekal (Yohanes 3:16).
- Kematian bukan lagi perkara yang menakutkan bagi kita kerana kita tahu bahawa Yesus mempunyai kuasa atas kematian!
- Adakah anda mempercayai Yesus? - Jika ya, berterima kasihlah kepada Dia atas janji kehidupan kekal yang telah Dia berikan kepada anda!
- Sekiranya anda belum mempercayai Yesus, fikirkanlah apa yang akan anda kecapai jika anda mempercayai-Nya.

8. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpul

9. Mengkaji lebih dalam: Markus 5:25-34

- Ketika Yesus sedang dalam perjalanan ke rumah Yairus, seorang wanita mencuba sedaya upaya untuk mendekati-Nya.
- Dia menghadapi penyakit pendarahan yang serius selama 12 tahun.
- Bukan sahaja dia sakit, tetapi pada masa itu dalam masyarakat Yahudi, penyakit seperti itu menjadikannya 'najis'.
- Dia tidak dibenarkan pergi ke rumah ibadat atau bergaul dengan masyarakat jika tidak memberitahu orang bahawa dia 'najis'.
- Tetapi setelah menyentuh jubah Yesus, secara ajaib dia dipulihkan!
- Imanya terhadap Yesus telah menyembuhkannya.
- Selain itu, dia tidak lagi 'najis' tetapi sudah boleh hidup sebagai sebahagian daripada masyarakatnya.
- Kisah ini menunjukkan kepada kita bahawa Yesus mempunyai kuasa atas penyakit, tetapi sebenarnya lebih daripada itu, Yesus mempunyai kuasa untuk orang 'najis' menjadi 'bersih', memulihkannya kepada komuniti Allah.
- Kita akan tahu lebih lanjut mengenai hal ini dalam pelajaran yang akan datang.

10. Cadangan lagu penutup: *Because He lives* (Penulis lagu: Bill Gaither).

11. Doa penutup.

Nota Ketua – Pelajaran 7: Siapakah Yesus? Dia yang menderitai penolakan (Markus 6:1-6)

1. **Doa pembukaan.**

2. **Cadangan lagu pembukaan:** *He is the King* (Penulis lagu: Virgil Meares).

3. **Untuk permulaan:**

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang mengapa mereka suka melawat kampung halaman mereka, bagaimana saudara-mara dan sahabat handai mereka melayan mereka dan apa yang biasanya mereka lakukan ketika berada di sana.

4. **Ulang kaji Markus 5:21-43:**

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. **Meneliti petikan:**

Ajak pelajar membaca Markus 6:1-6.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Ke manakah Yesus pergi dalam cerita ini? (a1)

- Dia pergi ke **kampung halaman-Nya**, Nazaret.

S2. Apakah yang Yesus lakukan di sana? (a2)

- Dia mula **mengajar** di saumaah pada hari Sabat.

S3. Bagaimanakah sambutan orang ramai setelah mendengar ajaran Yesus? (a2-4)

- Mereka **memandang rendah** terhadap Yesus dan **tersinggung** dengan ajaran-Nya.

S4. Apakah kata Yesus tentang sambutan orang ramai itu? (a4-6)

- Dia berkata bahawa seorang **nabi** tidak dihormati di **kampung halamannya** sendiri, antara **sanak saudaranya** dan dalam **keluarga** sendiri.

6. **Berfikir-fikirlah:**

- Penduduk di kampung halaman Yesus menyangka bahawa mereka semua sangat mengenal Yesus.
- Bagi mereka, Dia hanyalah anak seorang tukang kayu, dan mereka memandang rendah terhadap Dia dan berasa tersinggung.
- Pendek kata, mereka sebenarnya menolak Dia.
- Penyataan Yesus memberitahu kita bahawa sama seperti pada masa lalu, para nabi (mereka yang mengucapkan kata-kata Allah kepada orang ramai) telah ditolak oleh mereka yang dianggap 'paling dekat' kepada mereka.

- Orang dari kampung halaman Yesus gagal melihat siapa Dia yang sebenarnya.
- Bagaimanakah dengan kita?
- Berdasarkan semua yang telah kita pelajari mengenai Yesus setakat ini, apakah persepsi anda tentang Yesus?
- Adakah Dia hanya seorang manusia biasa atau nabi palsu yang tidak boleh dipercayai?
- Atau adakah Dia benar-benar seperti apa yang Dia katakan tentang Diri-Nya? – Kristus, Penyelamat Dunia, dan Allah itu sendiri!
- Apakah pandangan anda tentang Yesus?

7. Aktiviti: Origami mahkota kertas.

Bahan yang diperlukan: kertas

Beri setiap pelajar sekeping kertas.

- Ikuti arahan origami yang diberikan di laman sesawang di bawah dan ajarlah pelajar untuk membuat mahkota.
<http://www.origami-instructions.com/easy-origami-crown.html>
- Setelah mahkota kertas selesai dibuat, mintalah setiap pelajar untuk merenungkan siapa Yesus bagi mereka.

8. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpul

9. Mengkaji lebih dalam: Yesaya 53:1-6

- Nabi Yesaya telah membuatkan bahawa seorang hamba yang menderita, akan datang dengan misi-Nya, bertahun-tahun sebelum Yesus datang ke bumi.
- Misi-Nya adalah untuk menyelamatkan umat Allah.
- Tetapi hamba ini tidaklah dipandang tinggi dan dihormati.
- Tidak ada yang istimewa tentang penampilannya.
- Dia akan dihina dan ditolak.
- Dan dia akan menderita kematian. Mengapa? - Untuk menanggung azab (hukuman) bagi dosa orang lain.
- Hamba yang menderita ini akan menanggung dosa-dosa manusia yang didatangi-Nya. Dia menanggung hukuman bagi pihak mereka supaya mereka dapat diselamatkan.
- Siapakah hamba yang menderita ini? - Dia tidak lain ialah Yesus.

10. Cadangan lagu penutup: *The Servant King* (Penulis lagu: Graham Kendrick)

11. Doa penutup.

Nota Ketua - Pelajaran 8: Masalah apa? Dosa masalah hati. (Markus 7: 14-23)

1. **Doa pembukaan.**

2. **Cadangan lagu pembukaan:** *Jesus loves me* (Penulis lagu: Anna Bartlett Warner)

3. **Sebagai pemula:**

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang apa yang membuat seseorang itu 'jahat'.

4. **Ulang kaji Markus 4:35-41:**

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. **Meneliti Petikan:**

Ajak pelajar membaca Markus 7: 14-23.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Menurut Yesus, apakah yang TIDAK menajiskan seseorang (membuat seseorang itu tercemar atau berdosa)? (a14-16)

- Apa yang **masuk** dari **luar** ke dalam seseorang tidak dapat menajiskannya.

S2. Menurut Yesus, apakah yang menajiskan seseorang (menyebabkan seseorang itu tercemar atau berdosa)? (a17-20)

- Apa yang **keluar** daripada seseorang itulah yang menajiskannya.

S3. Apakah yang dimaksudkan Yesus ketika Dia mengatakan hal ini? (a21-22)

- Apa yang masuk dari **luar** ke dalam seseorang tidak dapat menajiskannya.
- Dosa berasal dari **dalam hati** seseorang itu. Dari hati manusia timbul fikiran jahat yang mendorong seseorang itu berdosa.

(Gejala-gejala dosa seperti perbuatan cabul, membunuh, dan berzina, datang dari dalam hati seseorang).

S4. Jadi, apakah sifat sebenar dosa?

Dosa ialah masalah **hati**. Kita berdosa secara semula jadi.

6. **Berfikir-fikirlah:**

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan, dan memikirkan tabiat berdosa yang cuba ditangani mereka, dan akar sebenar masalah dosa.
- Setiap orang mempunyai tabiat berdosa yang perlu ditangani mereka.
- Bagaimanakah sesetengah orang menangani masalah ini?

- Bagi sesetengah orang, mereka mungkin cuba menutup atau menyembunyikannya dan berpura-pura bahawa mereka tidak menghadapi masalah apa-apa.
- Orang lain mungkin cuba melakukan perkara yang baik setelah gagal membanteras perbuatan buruk mereka.
- Masih juga ada orang lain yang mungkin hidup dalam penafian, dan enggan mengaku adanya masalah yang dihadapi mereka.
- Dan sesetengah pada dasarnya, mengambil sikap ‘Saya tidak peduli’ – mereka gembira meneruskan hidup yang sedia ada asalkan tiada sesiapa yang mengetahui keadaan sebenar mereka.
- Bagaimanakah anda menangani tabiat berdosa anda?
- Yang manakah sambutan yang biasanya anda pilih?
- Yesus telah memberitahu kita bahawa dosa ialah masalah dalaman – masalah hati. Oleh sebab itu, tiada apa yang kita lakukan secara luaran betul-betul dapat menangani masalah dosa.
- Hanya dengan datang kepada Yesus, dan mengakui ketidakmampuan kita dan bahawa Dia dapat mengubah hati kita dan menjadikan kita semakin seperti Dia.

7. Aktiviti: Origami Hati Kertas

Bahan yang diperlukan: kertas.

Beri setiap pelajar sekeping kertas.

- Ikuti arahan origami yang diberikan di laman sesawang di bawah dan ajarlah pelajar untuk membuat hati.
- <http://www.origami-instructions.com/easy-origami-heart.html>
- Apabila origami hati selesai dibuat, minta mereka menulis frasa seperti: ‘Dosa ialah masalah hati’ – Markus 7: 14-23 – pada kertas hati.

8. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpulan

9. Mengkaji lebih dalam: Roma 3:10-12

- Rasul Paulus menyatakan dalam ayat-ayat ini bahawa tidak ada seorang pun yang dapat dianggap sebagai orang yang ‘baik’ kerana semua orang telah menolak dan berpaling daripada Allah.
- Semua orang secara semula jadi merupakan orang berdosa.
- Itu termasuklah saya dan anda, penjenayah, malahan orang yang dihormati yang melakukan banyak kebajikan untuk masyarakat.
- Apakah maksudnya? – Ini bermakna bahawa semua orang tidak baik sama sekali. Kita semua orang berdosa yang memerlukan pengampunan Allah.

10. Cadangan lagu penutup: (Ubah hatiku) Change My Heart, O God (Penulis lagu: Eddie Espinosa)

11. Doa penutup.

Nota Ketua – Pelajaran 9: Siapakah Yesus? Yesus, Kristus yang menderita (Markus 8:27-33)

1. Doa pembukaan.

2. **Cadangan lagu pembukaan:** *King of kings* dan *Lord of lords* (Penulis lagu: Conty, Sophie/Yah, Nomi).

3. Sebagai pemula:

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang andainya mereka menjadi raja atau permaisuri, dan apa yang akan dilakukan mereka sebagai pemerintah.

4. Ulang kaji Markus 7:14-23:

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. Permainan: “Raja” dan “hukuman”

Bahan yang diperlukan:

a) Sekeping kertas yang digulung menjadi ‘cokmar/tongkat kebesaran’ raja.

b) Kepingan-kepingan kertas yang ditulis dengan pelbagai bentuk hukuman/penalti.

c) Radio atau telefon bimbit (yang boleh memainkan muzik)

- Dudukkan pelajar dalam satu bulatan besar.
- Pada permulaan permainan, ‘tongkat’ diserahkan kepada salah seorang pelajar.
- Muzik dimainkan daripada radio atau telefon bimbit tadi, dan tongkat itu diedarkan daripada seorang kepada orang yang lain. (Orang yang mengawal muzik mesti membelakangi pelajar supaya dia tidak nampak kepada siapa tongkat itu dihulurkan).
- Apabila muzik dihentikan, orang yang memegang ‘tongkat’ ialah ‘raja’.
- Dia akan memilih sekeping kertas yang mengandungi penalti yang telah anda tulis tadi. Dia mempunyai ‘kuasa’ untuk memilih sesiapa sahaja dari bulatan itu untuk menjalani penalti itu.
- Ulangi permainan ini untuk beberapa pusingan lagi.

6. Meneliti Petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 8: 27-33.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Menurut orang tertentu, siapakah Yesus? (a27-28)

- Ada yang beranggapan bahawa Dia ialah **Yohanes Pembaptis, Elia** atau salah seorang nabi.

S2. Siapakah Yesus menurut Petrus? (a29-30)

- Petrus berkata bahawa Yesus ialah Kristus.

S3. Apakah yang akan terjadi kepada Yesus sebagai Kristus? (a31-32)

- Yesus akan menderita dan ditolak oleh para pemimpin masyarakat, ketua imam dan ahli Taurat.
- Dia akan dibunuh tetapi pada hari ketiga Dia akan bangkit semula.

S4. Bagaimanakah reaksi Petrus terhadap ajaran Yesus? Mengapakah Yesus menegur Petrus? Adakah Petrus benar-benar faham tentang siapa Yesus? (a32-33)

- Petrus cuba menegur Yesus. Tetapi Yesus menegur Petrus kerana Petrus faham/tidak faham (*bulatkan jawapan yang betul*) apa yang harus atau sepatutnya dihadapi oleh Yesus sebagai Kristus.

7. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan, dan sebagai kesudahannya tanyakanlah pandangan pelajar mengenai Yesus sebagai Kristus.
- Petrus (seperti kebanyakan orang Yahudi pada zamannya) menjangkakan Yesus sebagai Kristus, akan menjadi Raja yang berkuasa, yang akan mengalahkan orang Roma (yang berkuasa pada masa tersebut) dan mendirikan kerajaan di bumi.
- Dia tidak memahami sifat sebenar Yesus, Yang diurapi (Raja) yang berbeza daripada jangkauan dunia.
- Sering kali, kita juga mempunyai jangkauan yang salah terhadap Yesus sebagai Yang diurapi (Raja).
- Seseengah kita melihat Yesus sebagai Raja 'Santa Claus' – yang memberi kita segala yang kita kehendaki. Jika tidak, kita tidak akan mengikut Dia.
- Seseengah kita melihat Yesus sebagai Raja zalim yang menetapkan peraturan dan menghendaki kita untuk mematuhiNya. Jika tidak, kita akan dihukum.
- Seseengah kita mengalami kesulitan untuk memahami bahawa Yesus sebenarnya seorang Hamba yang menderita. Seorang Raja yang tidak popular dalam kalangan pemimpin pada zaman-Nya. Raja yang ditolak, dibunuh demi kita, tetapi yang pada akhirnya akan bangkit dengan kemenangan.
- Yesus benar-benar seorang Raja dan Hamba - bukankah kita diberkati untuk hidup di bawah pemerintahan-Nya?
- Mintalah Yesus menjadi Raja kita – Dia tidak mencari penghormatan atau kepentingan untuk diri-Nya sendiri – tetapi bersedia menyerahkan hidup-Nya demi menyelamatkan kita!

8. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpulan

9. Mengkaji lebih dalam: Markus 10:45

- Yesus menyatakan dengan jelas bahawa Dia datang untuk menjadi hamba yang melayani.

Memperkenalkan Yesus – Panduan Pemimpin

- Ini sebabnya Dia datang ke bumi, bukan untuk dilayani tetapi untuk melayani. Kita telah melihat hal itu dalam pelajaran-pelajaran yang lalu - bagaimana Yesus melayani orang yang datang kepada-Nya.
- Pengorbanan-Nya yang teragung kepada semua manusia adalah untuk menyerahkan nyawa-Nya dan mati untuk kita, sebagai tebusan kita (harga yang dibayar supaya seseorang boleh dibebaskan) demi membebaskan kita daripada perhambaan dosa, sehingga kita boleh menjadi anak-anak Allah.
- Bagaimanakah pengorbanan Yesus ini mempengaruhi cara kita bertindak?
- Jika kita ialah hamba kepada Raja Kehambaan ini, kita haruslah giat dalam hidup untuk melayani-Nya dan juga orang lain!
- Kita hidup bukan untuk melayani diri sendiri dan keperluan kita, tetapi untuk memanfaatkan sumber kita untuk melayani dan memuliakan Dia dengan menjangkau manusia di dunia ini yang sesat, yang putus harap, dan yang perlu kenal serta percaya kepada Penyelamat.
- Sebagai anak-anak Allah, kita tidak seharusnya mementingkan diri.

10. Cadangan lagu penutup: *The Servant King* (Penulis lagu: Graham Kendrick)

11. Doa penutup.

Nota Ketua - Pelajaran 10: Apakah maksudnya mengikut Yesus? Pengorbanan demi menjadi murid Yesus (Markus 8: 34-38)

1. Doa pembukaan.

2. Cadangan lagu pembukaan: (Berjalan bersama Yesus) *Walking with Jesus* (Penulis: Robert G. Savage).

3. Sebagai pemula:

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang siapa yang suka diikutsertakan oleh mereka, dan apa yang biasa dilakukan apabila mereka mengikutsertakan orang tersebut. Atau siapa yang mereka suka ikut.

4. Ulang kaji Markus 8:27-33:

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. Permainan: Ikut pemimpin (Sama seperti pemimpin lelaki buta)

Bahan yang diperlukan:

a) Sehelai kain (untuk digunakan sebagai penutup mata)

b) Sebarang objek (contohnya botol air, pen, dan sebagainya)

- Pilih seseorang untuk menjadi 'lelaki buta' dan seorang lagi sebagai 'pemimpinnya'.
- Orang buta akan ditutup matanya dengan kain dan dibawa ke satu bahagian di penghujung bilik.
- Objek akan diletakkan sebagai 'matlamat/hadiah' yang mesti cuba dicapai oleh lelaki buta tersebut di satu lagi bahagian hujung bilik yang bertentangan.
- 'Pemimpinnya' mesti memberikan arahan secara lisan kepada orang buta tersebut untuk menuntun dia ke arah matlamat/hadiah yang telah disediakan itu. Langsung tidak ada interaksi fizikal, hanya arahan lisan diberikan.
- Pada masa yang sama, semua orang di dalam bilik akan cuba mengelirukan orang buta itu dengan memberikan arahan yang salah.
- Orang buta tersebut mesti mendengar suara dan arahan pemimpinnya dengan cermat sehingga dia mencapai matlamat/hadiah itu.

6. Meneliti Petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 8: 34-38.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Apakah 3 perkara yang Yesus katakan harus dilakukan oleh mereka yang mahu menjadi pengikut-Nya? (a34)

- Mereka harus melupakan kepentingan diri atau menyangkal diri, memikul salib dan mengikut Yesus.

S2. Pada pandangan anda, apakah yang Yesus maksudkan ketika Dia mengatakan 3 perkara itu?

- Untuk melupakan kepentingan diri atau menyangkal diri anda adalah untuk menyedari bahawa anda bukan lagi raja dalam hidup anda tetapi Yesus.
- Memikul salib adalah untuk mempersiapkan diri untuk menyerahkan hidup kepada Yesus, bahkan seluruh hidup anda.
- Untuk mengikut Yesus adalah untuk tinggal di bawah kekuasaan-Nya sebagai Raja dan untuk semakin menjadi seperti Dia.

S3. Apakah yang akan berlaku kepada mereka yang menolak dan tidak mahu mengikut Yesus? (a35-38)

- Mereka akhirnya akan kehilangan hidup mereka.
- Mereka akan ditolak oleh Yesus pada hari Dia kembali lagi.

S4. Bagaimana pula dengan mereka yang mengikut Yesus? (a35, a38)

- Mereka mungkin akan menderita atau kehilangan nyawa mereka kerana Yesus tetapi pada akhirnya akan memperolehnya atau mendapatkannya semula.
- Mereka akan diterima oleh Yesus pada hari Dia kembali dan akan mewarisi hidup kekal.

7. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan, dan pada akhirnya, tanyalah mereka sama ada mereka bersedia mengikut Yesus atau tidak.
- Mengikut Yesus tidak mudah sama sekali.
- Menyangkal diri atau melupakan kepentingan diri sendiri, bersiap sedia untuk memikul salib dan mengikut Dia kelihatan seperti tugas yang begitu mencabar dan hampir mustahil!
- Walau bagaimanapun, kita mesti menyedari bahawa menjadi orang Kristian merupakan keistimewaan paling besar yang boleh dimiliki oleh seseorang – kerana ini melorongkan kita kepada janji beroleh hidup kekal yang indah lagi pasti bersama-sama Kristus!
- Hakikat bahawa Yesus telah menyerahkan nyawa-Nya untuk menjalani hukuman atas dosa-dosa kita, seharusnya menjadi motivasi yang besar bagi kita untuk mengikut Dia!
- Satu-satunya jalan yang menuju kepada hidup hanyalah melalui Dia!
- Tetapi selepas semua yang telah dikatakan, mengikut Yesus harus ditanggung dengan pengorbanan yang besar. Persoalannya, adakah anda bersedia melakukannya?

- Perkara ini mungkin menyebabkan keluarga anda kecewa (jika mereka bukan orang Kristian), anda disalah faham oleh rakan-rakan, dan anda melapangkan masa (yang boleh anda luangkan untuk membuat perkara-perkara lain) untuk melayani di Persatuan Kristian (Christian Fellowships atau CFs) di sekolah, *Boys Brigade* (BB) atau *Girls Brigade* (GB) di gereja. Anda juga mungkin berkata 'TIDAK' kepada perkara-perkara tertentu yang anda suka, tetapi anda tahu itu tidak disenangi Tuhan.
- Adakah anda bersedia mengikut Yesus? Bukan mengikut-Nya kerana tanggungjawab atau tugas tetapi kerana kita mengasihi Yesus (Dia terlebih dahulu mengasihi kita!), yang merupakan sambutan semula jadi. Apabila anda mengasihi seseorang, anda akan belajar untuk melayani dan mengasihi tanpa syarat.

8. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpulan.

9. Mengkaji lebih dalam: Markus 10:35-45

- Yakobus dan Yohanes mahu diberikan tempat penghormatan tertinggi (duduk di sebelah kanan dan kiri Yesus dalam kemuliaan-Nya) di samping Yesus.
- Yesus bertanya kepada mereka sama ada mereka bersedia minum cawan yang akan diminum-Nya dan dibaptiskan dalam baptisan-Nya.
- Apakah maksud Yesus? – Soalan-soalan Yesus bermaksud sama ada mereka bersedia untuk menderita dan mati, sama seperti Dia akan menderita dan mati.
- Yesus akhirnya memberitahu mereka bahawa kebesaran di dalam kerajaan-Nya bukan tentang menjadi pemimpin, ketua atau penguasa atas semua orang, tetapi dengan menjadi hamba yang rendah diri.
- Kita telah membaca pada minggu lalu bahawa Yesus sendiri juga melayani dan menyerahkan hidup-Nya untuk menyelamatkan manusia.
- Adakah anda mahu menjadi besar?
- Kebesaran dalam istilah Yesus adalah untuk bersedia melayani orang lain dan menderita demi Yesus.
- Bolehkah anda memikirkan cara untuk melayani Kristus dengan melayani orang lain?
- Bagaimanakah kelak hidup anda?

10. Cadangan lagu penutup: *I Have Decided To Follow Jesus* (Penulis Lagu: Sadhu Sundar Singh)

11. Doa penutup

Nota Pemimpin – Pelajaran 11: Apakah maksudnya mengikut Yesus? Memasuki Kerajaan Allah (Markus 10:13-16)

1. Doa pembukaan.

2. Cadangan lagu pembukaan: *We are His people* (EMU music)
https://www.youtube.com/watch?v=sWeXu8IZ_T8

3. Sebagai pemula:

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi sama ada mereka suka atau benci kepada kanak-kanak dan mengapa mereka sedemikian.

4. Ulang kaji Markus 8:34-38:

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. Permainan: “ter_”

Bahan yang diperlukan: Pembaris panjang

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan.
- Pada permulaan permainan, nyatakan ungkapan yang berkaitan dengan sesuatu yang lemah atau kecil, seperti ‘**terpendek**.’
- Apabila anda menyebut ungkapan ‘**terpendek**’, dalam fikiran anda mesti memutuskan apa yang anda cari, misalnya, ‘Jari kecil terpendek.’ Tetapi anda TIDAK harus menyebut apa yang anda cari kepada pelajar dalam kumpulan.
- Para pelajar mesti cuba meneka perkara apa yang ‘terpendek’ yang anda cari dan menghantar wakil yang dianggap bertepatan daripada kumpulan mereka.
- Selepas setiap kumpulan menghantar wakil, anda mendedahkan apa yang ‘terpendek’ yang anda cari. Contohnya, ‘Jari kecil terpendek.’
- Setiap jari kecil milik wakil yang dihantar kemudian diukur, dan orang yang mempunyai jari terpendek menang. Markah diberikan kepada kumpulan tersebut.
- Permainan ini boleh diulang beberapa kali dengan ungkapan seperti ‘terpendek’ (contohnya telinga, lengan, kaki), ‘terkecil’ (contohnya mata, tangan), ‘terakhir’ (contohnya bulan kelahiran).
- Nota: Memilih yang terpendek, terkecil, dan terakhir, akan menghidupkan suasana untuk cerita seterusnya tentang kanak-kanak yang dianggap paling lemah dan tidak penting apabila mereka dibawa ke hadapan Yesus.

6. Meneliti petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 10: 13-16.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Apakah yang dilakukan oleh orang ramai itu? (a13)

- Mereka membawa **kanak-kanak** kecil kepada Yesus supaya Dia menyentuh mereka.

S2. Apakah pula yang dilakukan oleh murid-murid Yesus? (a13)

- Mereka **memarahi** orang ramai yang berbuat demikian.

S3. Apakah yang dilakukan Yesus ketika Dia melihat hal itu? (a14, 16)

- Yesus meminta murid-murid-Nya untuk membiarkan kanak-kanak itu **datang** kepada-Nya dan jangan larang atau **menghalangi** mereka.
- Dia juga mendukung mereka dan **memberkati** mereka.

S4. Apakah pengajaran Yesus daripada kejadian itu kepada murid-murid-Nya? (a14-15)

Jika seseorang ingin masuk ke dalam **kerajaan** Allah, mereka harus menjadi seperti **kanak-kanak**, yang menyedari bahawa mereka **tidak berdaya** dan **bersandar** sepenuhnya pada Allah.

7. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan.
- Apabila orang ramai membawa anak-anak mereka untuk diberkati oleh Yesus, murid-murid-Nya marah.
- Pada zaman Yesus, anak-anak tidak dilihat sebagai comel atau wajar diluahkan masa dengan mereka. Sebaliknya, kanak-kanak dilihat sebagai tidak penting dan bahkan dipandang rendah.
- Murid-murid-Nya mesti berfikir bahawa Yesus mempunyai perkara yang lebih baik untuk diurus daripada membuang masa-Nya dengan kanak-kanak!
- Tetapi Yesus melihat dengan cara yang sangat berbeza daripada murid-murid-Nya. Dia memberitahu murid-murid-Nya untuk membiarkan kanak-kanak itu datang kepada-Nya, dan Dia mendukung, mendakap dan memberkati mereka.
- Yesus terus mengajar murid-murid-Nya dan mengambil iktibar!
- Dia berkata bahawa sesiapa yang ingin memasuki kerajaan Allah, iaitu sesiapa yang ingin menjadi sebahagian daripada umat Allah dan hidup di bawah pemerintahan-Nya, mestilah datang seperti kanak-kanak!
- Yesus tidak mengatakan bahawa kanak-kanak adalah sempurna.
- Maksud-Nya ialah sikap kita mestilah seperti seorang kanak-kanak.
- Kita datang ke hadapan Allah untuk mengakui bahawa kita lemah, tidak berdaya dan bergantung sepenuhnya pada Dia untuk menyelamatkan kita.
- Pertimbangkan beberapa perkara yang cuba anda lakukan agar dapat melayakkan diri diterima oleh Allah.

- Mengapakah anda bergantung pada perkara-perkara itu?
- Kita tidak boleh datang ke hadapan Allah dan mengharapkan Dia untuk menerima kita berdasarkan bakat, kebolehan kita atau perkara baik yang kita lakukan untuk orang lain.
- Kita datang ke hadapan Allah dan berkata kepada-Nya, "Saya datang seperti kanak-kanak, mengakui bahawa saya tidak mempunyai apa-apa tempat bergantung, kecuali Yesus sahaja."

8. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpulan

9. Mengkaji lebih dalam Efesus 2:8-9

- Alkitab mengajar bahawa kita diselamatkan oleh rahmat atau kasih kurnia Allah melalui iman. Apakah maksudnya?
- Ini bermakna bahawa kita diselamatkan oleh kebaikan Allah, yang sebenarnya tidak layak kita terima (itulah maksudnya kasih kurnia!), apabila kita percaya kepada Yesus!
- Perhatikan apa lagi yang dikatakan oleh ayat-ayat ini: penyelamatan kita hadiah daripada Allah!
- Kita tidak boleh mendapatkannya atau membayarnya atau bekerja untuknya!
- Allah telah memberikan penyelamatan kepada kita secara percuma, sebagai hadiah!
- Jadi bolehkah kita membanggakan apa-apa? –Sama sekali tidak!
- Hanya melalui kebaikan dan anugerah Allah kita dapat menjadi umat-Nya.
- Bukankah indah? – Marilah kita bersyukur dan berterima kasih kepada-Nya!

10. Cadangan lagu penutup: *We are His people.*

11. Doa penutup.

Nota Ketua - Pelajaran 12: Apakah maksudnya mengikut Yesus? Mendahulukan Allah (Markus 10: 17-27)

1. Doa pembukaan.

2. Cadangan lagu pembukaan: *We are His People* atau *All That I Am* (Claire Cloninger/ Don Moen)

3. Sebagai pemula:

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang apa atau siapa (selain Allah) yang dianggap mereka sebagai yang paling penting bagi mereka dalam kehidupan mereka dan mengapa sedemikian.

4. Ulang kaji Markus 10:13-16:

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. Permainan: Menjumlahkan ‘wang’.

- Bahagikan pelajar ke dalam beberapa kumpulan.
- Setiap kumpulan ditetapkan ‘nilai wang’. Contohnya, setiap pelajar dalam kumpulan nombor satu ‘bernilai’ 10 sen, setiap pelajar dalam kumpulan nombor dua ‘bernilai’ 20 sen, dan sebagainya.
- Selepas setiap pelajar ditetapkan ‘nilai wang’, mereka diminta untuk bercampur aduk sesama diri.
- Kemudian, sebut sejumlah wang yang tertentu, contohnya RM1.00 dan sen 20.
- Para pelajar yang ditetapkan nilai wang yang berbeza mesti cuba mencari pelajar lain untuk menggenapkan jumlah yang disebut.
- Apabila mereka berjaya melakukannya, kumpulan (yang terawal) tersebut haruslah mengangkat tangan dan menjadi pemenang untuk pusingan itu.
- Anda boleh bermain beberapa pusingan. Setiap kali sebut jumlah wang yang berbeza.
- Nota: Permainan ini merangsangkan suasana untuk cerita Alkitab yang akan dibaca seterusnya tentang pertemuan orang kaya dengan Yesus.

6. Meneliti petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 10: 17-27.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Seorang datang berlari dan berlutut di hadapan Yesus. Apakah pertanyaannya kepada Yesus? (a17)

- Dia bertanya apa yang harus dilakukannya untuk mewarisi **hidup kekal**.

S2. Apakah jawapan Yesus kepadanya dan apakah yang dibalas pula oleh orang tersebut? (a19-20)

- Yesus mengingatkan orang tersebut tentang beberapa **hukum** Allah.
- Orang itu berkata bahawa dia sudah **mentaati** semua hukum tersebut semenjak usia mudanya.

S3. Apakah yang disuruh Yesus dilakukan orang itu? Dapatkah orang itu melakukannya? (a21-22)

- Yesus menyuruh orang itu menjual **harta** yang ada padanya dan menyedekahkannya kepada orang miskin (supaya dia mendapat harta di syurga), dan **datang** kembali dan **mengikut** Dia.
- Orang itu **tidak** dapat melakukannya kerana dia mempunyai banyak **harta**. Dia pergi dengan dukacita.
- Itu menunjukkan apa yang paling penting dalam hati orang tersebut ialah **kekayaannya**.

S4. Yesus berkata betapa sukarnya bagi orang kaya memasuki kerajaan Allah. Kemudian murid-murid-Nya bertanya kepada-Nya: Kalau begitu, siapakah yang dapat diselamatkan? Apakah jawapan Yesus? (a27)

- Bagi manusia hal itu **mustahil**, tetapi tidak bagi **Allah**; tidak ada satu pun yang mustahil bagi Allah.

7. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan.
- Lelaki yang datang dan berlutut di hadapan Yesus seolah-olah sangat ikhlas!
- Walaupun dia seorang kaya, dia berlutut di hadapan Yesus (tanda rasa hormat yang besar) dan memanggil Yesus, 'Guru yang baik.'
- Dia kemudian bertanya kepada Yesus apa yang perlu dilakukannya untuk mewarisi hidup kekal. Satu lagi cara untuk mengemukakan soalan ini ialah, "Apakah yang perlu saya lakukan untuk diselamatkan?"
- Pada mulanya Yesus memberikan kenyataan yang sangat menarik dengan bertanya kepada lelaki itu mengapa dia memanggil Yesus 'baik' kerana tidak ada yang baik melainkan Allah sahaja. Dengan perkataan lain, Yesus mempersoalkan pemahamannya mengenai siapa Yesus.
- Semua manusia berdosa, tidak ada yang baik. Jadi dalam erti kata itu, untuk Yesus menjadi baik, Dia harus menjadi, tidak lain daripada Allah itu sendiri!
- Yesus kemudiannya mengingatkan lelaki itu tentang beberapa hukum yang telah diberikan Allah kepada orang Israel pada zaman dahulu.
- Adakah anda melihat sesuatu yang menarik tentang hukum-hukum yang disebut oleh Yesus? – Hukum-hukum tersebut berkaitan dengan bagaimana umat Allah melayan satu sama lain, tetapi Yesus seolah-olah telah meninggalkan beberapa hukum terawal yang bercakap tentang bagaimana umat Allah sepatutnya berhubung dengan Allah sendiri! (Kita akan melihat sebabnya sebentar lagi).

- Lelaki itu berasa yakin – dia berkata bahawa dia telah mematuhi perintah-perintah itu semenjak masa mudanya.
- Tetapi Yesus meminta lelaki itu melakukan sesuatu yang drastik, iaitu dengan menjual segala yang ada padanya dan mengikut Yesus!
- Yesus memberitahunya jika dia melakukannya, dia akan memperoleh harta di syurga.
- Lelaki itu sedih kerana dia tidak dapat menyerahkan kekayaannya lalu pergi.
- Walaupun lelaki itu mungkin secara luaran nampak warak dan ‘baik’, pertanyaan Yesus mengungkapkan keadaan sebenar hatinya.
- Dalam hatinya, lelaki itu menyayangi kekayaannya melebihi segala-galanya, bahkan Allah.
- Kekayaan menjadi ‘berhalanya’, iaitu sesuatu yang mengambil tempat Allah.
- Yesus berkata bahawa sukar bagi seorang kaya masuk ke dalam kerajaan Allah, kerana sukar sekali dia ditinggalkan kekayaannya.
- Oleh itu, bolehkah sesiapa pun diselamatkan?
- Ya! Yesus menyimpulkan bahawa walaupun mustahil bagi manusia mengubah hati seseorang, tetapi tidak bagi Allah kerana tiada yang mustahil bagi Allah.
- Bagi kita, mungkin terdapat banyak perkara yang sukar untuk kita tinggalkan. Mungkin itu berkenaan dengan pencapaian kita, hobi kita, bahkan orang yang kita sayangi. Perkara-perkara ini mudah mengambil tempat pertama di hati kita selain Allah sendiri.
- Hanya Allah yang dapat mengubah hati kita supaya kita dapat memberikan sambutan yang betul kepada-Nya dan menjadikan-Nya sebagai Raja hidup kita.

8. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpul

9. Mengkaji lebih dalam: Efesus 5:1-5

- Dalam petikan Alkitab ini, kita diberitahu untuk meneladani Allah. Berjalan dalam kasih sama seperti Yesus mengasihi kita apabila Dia mati berkorban di salib kerana dosa-dosa kita!
- Ada juga tabiat berdosa tertentu yang harus kita singkirkan demi menjaga identiti kita sebagai anak-anak Allah.
- Terdapat dosa yang disenaraikan seperti kelucahan seksual, ketidaksucian atau tamak haloba, yang boleh disebut sebagai ‘berhala’ – hal-hal yang mengambil tempat Allah dalam hati seseorang.
- Misalnya, ‘berhala’ ketamakan boleh jadi kemewahan dan kekayaan.
- Sebagai orang berdosa, hati kita bagai ‘kilang membuat berhala.’ Kita tidak menjadikan Allah sebagai Raja di hati kita.
- Allah sahaja yang dapat mengubah hati kita dan memberi kita iman dan pertaubatan dalam Kristus.

10. Cadangan lagu penutup: *Change My Heart, O God*

11. Doa penutup.

Nota Ketua - Pelajaran 13: Apa yang telah Yesus lakukan?

Perjamuan Tuhan: Mengingati kematian Yesus (Markus 14: 12-25)

1. Doa pembukaan.

2. Cadangan lagu pembukaan: Yohanes 3:16 (Penulis lagu: John Harwick).

3. Sebagai pemula:

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang apa yang biasa dilakukan mereka untuk mengingati tarikh, peristiwa atau tugas tertentu yang penting.

4. Ulang kaji Markus 10:17-27:

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. Permainan: Mengingati aksi

- Bahagikan pelajar untuk duduk dalam satu bulatan atau lebih (bergantung pada jumlah pelajar).
- Dalam setiap bulatan, seorang pelajar dipilih sebagai 'ketua.'
- Dia akan memulakan satu aksi, contohnya bertepuk tangan.
- Setelah dia melakukan aksi tersebut, orang yang berada di sebelah kanannya akan mengikut aksi yang baru dilihatnya, (cth. bertepuk tangan), diikuti oleh seorang demi seorang dan seterusnya.
- Tetapi si ketua harus terus membuat aksi-aksi baru sehingga ada urutan aksi yang panjang, contohnya, bertepuk tangan – menyentuh hidungnya – menarik telinganya – menepuk kepalanya, dan sebagainya.
- Yang lain mesti cuba mengingati aksi-aksi tersebut dan mengikut ketua. Setiap orang secara berterusan melakukan urutan aksi yang tepat.
- Nota: Permainan ini memerlukan tumpuan dan ingatan, yang menghubungkannya dengan konsep mengingati kematian Yesus dalam petikan Alkitab.

6. Meneliti petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 14: 12-25.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Apakah yang akan dirayakan oleh Yesus dan murid-murid-Nya? (a12)

- Mereka akan merayakan Paskah.

- S2.** Bagaimanakah 2 orang murid Yesus pergi menyediakan jamuan Paskah itu? (a13-16)
- 2 orang murid Yesus mendengar **arahan-Nya**. Mereka pergi ke dalam kota dan mengikuti seorang lelaki yang membawa **sekendi** air. Lelaki tersebut menunjukkan kepada mereka sebuah **ruang** besar di tingkat atas, lengkap dengan perabot dan telah disediakan.
 - Segalanya berlaku seperti yang **diberitahukan** oleh Yesus kepada mereka.

S3. Apakah berita yang mengganggu murid-murid Yesus semasa mereka menikmati jamuan Paskah? (a18)

- Yesus memberitahu mereka bahawa sesungguhnya seorang daripada mereka akan **mengkianati** Dia.

S4. Apakah yang dilakukan Yesus semasa jamuan Paskah itu? (a22-24)

- Dia mengambil **roti** dan selepas mengucap syukur, Dia **memecah-mecahkannya** dan memberikannya kepada murid-murid-Nya.
- Dia juga mengambil cawan **air anggur** dan setelah mengucap syukur, Dia memberikannya kepada murid-murid-Nya untuk **diminum** daripada cawan itu.

S5. Menurut Yesus, apakah makna baru jamuan yang Dia kongsi dengan mereka itu? (a22-25)

- **Roti** melambangkan **tubuh** Yesus dan **air anggur** melambangkan **darah** Yesus.
- Jamuan ini diadakan demi memperingati **kematian** Yesus untuk dosa manusia.

7. Nota tambahan:

- Perayaan Paskah merupakan perayaan yang disambut oleh orang Yahudi setiap tahun.
- Mereka akan berkongsi makanan selepas matahari terbenam untuk mengingati mulanya pembebasan mereka daripada perhambaan di Mesir apabila Tuhan menjatuhkan hukuman dengan membunuh anak sulung di setiap rumah orang Mesir, tetapi 'melewati' rumah orang Israel yang disapukan darah anak domba pada ambang pintu.
- Itu berlaku bertahun-tahun yang lalu pada zaman Musa.

8. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan.
- Jamuan Paskah yang Yesus kongsi bersama murid-murid-Nya merupakan perjamuan terakhir antara Yesus dengan mereka.
- Jamuan ini ialah makan bersama yang terakhir sebelum Dia menghadapi kematian-Nya di kayu salib.
- Apakah mungkin perasaan anda jika anda seorang daripada murid Yesus?
- Adakah anda akan berasa sedih, bingung atau takut?
- Paskah dirayakan untuk mengingati pekerjaan Allah yang menakjubkan dalam penyelamatan orang Israel daripada perhambaan di Mesir dengan menjatuhkan

hukuman bunuh terhadap setiap anak sulung di Mesir, tetapi ‘melewati’ rumah orang Israel, yang telah mengorbankan anak domba dan menyapukan darahnya pada ambang pintu rumah mereka.

- Tetapi perayaan itu sebenarnya memperlihatkan pembebasan dan penyelamatan yang lebih besar kelak.
- Apabila Yesus berkongsi jamuan itu dengan murid-murid-Nya, Dia mengambil roti, memecahkannya, dan mengambil secangkir air anggur lalu memberitahu murid-murid-Nya bahawa roti dan air anggur itu melambangkan tubuh dan darah-Nya yang akan dikorbankan dan dicurahkan bagi mereka.
- Dengan kata lain, jamuan itu diadakan untuk mengingati kematian Yesus.
- Yesus akan membawa penyelamatan kepada semua orang yang percaya kepada-Nya dengan menjadi korban untuk dosa-dosa mereka. Penghakiman Allah akan jatuh kepada Yesus supaya semua orang yang percaya kepada-Nya akan diselamatkan.
- Sehingga hari ini, orang Kristian berkongsi perjamuan itu, yang juga dikenali sebagai Perjamuan Tuhan, untuk mengingati apa yang telah dilakukan oleh Yesus bagi kita di kayu salib.

9. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpul

10. Mengkaji lebih dalam: Markus 14:32-42


- Sebelum Yesus ditangkap, Dia dan murid-murid-Nya pergi ke Taman Getsemani di mana Dia meminta mereka untuk berdoa.
- Murid-muridnya tertidur, tetapi Yesus berdoa dalam kedukaan dan keresahan.
- Dia tahu dari awal lagi bahawa Dia akan mati di salib. Dia memberitahu murid-murid-Nya tentang perkara itu berulang kali.
- Tetapi kesakitan dan penderitaan yang Dia tahu akan dihadapi-Nya, membuat Dia berlutut dan berdoa kepada Allah Bapa, kalau cawan penderitaan itu dapat diedarkan daripada-Nya.
- Tetapi pada akhirnya, Yesus taat sepenuhnya kepada kehendak Allah Bapa, bukan kehendak-Nya sendiri.
- Kita tidak akan memahami betapa dahsyatnya kesakitan dan penderitaan yang Yesus lalui ketika Dia menanggung dosa-dosa dunia atas diri-Nya.
- Hakikat itu sepatutnya membuat kita sangat bersyukur atas pengorbanan Yesus!

11. Cadangan lagu penutup: *Worthy Is The Lamb* (penulis lagu: Darlene Zschech, Hillsong).

12. Doa penutup.

Nota Ketua – Pelajaran 14: Apakah yang telah Yesus lakukan? Kematian Yesus (Markus 15: 33-41)

1. **Doa pembukaan.**
2. **Cadangan lagu pembukaan:** *Lord, I Lift Your Name On High* (Penulis lagu: Rick Founds)
3. **Sebagai pemula:**
Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi sama ada mereka takutkan kematian atau tidak, dan mengapa sedemikian. Apakah sebabnya kematian begitu menakutkan?
4. **Ulang kaji Markus 14:12-25:**
Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.
5. **Permainan: Salib** (Sasar dan Lempar)
Bahan yang diperlukan: Sekeping kain, pemadam atau apa-apa yang boleh digunakan sebagai objek untuk dilemparkan kepada sasaran.
 - Kertas mahjong atau papan putih untuk melukis rajah di bawah:



- Rajah di atas berfungsi sebagai latihan sasaran.
- Pilih pelajar yang akan menggunakan objek tertentu untuk menetapkan sasaran dan melempar ke arah sasaran.
- Matlamat mereka adalah untuk memperoleh 3 mata dengan melempar tepat ke tengah-tengah sasaran (di mana salib berada).
- Nota: Permainan ini bertujuan menyedarkan pelajar-pelajar bahawa misi utama Yesus datang ke bumi adalah untuk mati di salib supaya kita diselamatkan daripada dosa-dosa kita.

6. Meneliti petikan:

Ajak pelajar membaca Markus 15:33-41.

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Apakah perkara luar biasa yang berlaku pada ketika Yesus digantung di kayu salib? Apakah yang ditunjukkan daripada perkara itu? (a33)

- Langit diselubungi **kegelapan** selama 3 jam dari pukul 12 tengah hari hingga 3 petang.
- Ini menunjukkan bahawa **penghakiman** sedang berlangsung.
- Yesus sedang menanggung penghakiman Allah bagi pihak kita atas **dosa-dosa** kita.

S2. Apakah yang Yesus serukan? Dari petikan manakah di dalam Alkitab seruan yang sama itu dapat ditemukan? Apakah yang ditunjukkan daripada seruan yang sama itu? (a34, lihat juga Mazmur 22)

- Yesus berseru dengan suara lantang, "**Eloi Eloi Lama Sabakhtani**? Ertinya, "Ya Allah-Ku, ya Allah-Ku, mengapa Kautinggalkan Aku?"
- Seruan itu datang daripada **Perjanjian Lama**, iaitu dalam Mazmur 22 yang ditulis oleh Daud.
- Seruan itu menunjukkan bahawa kematian Yesus merupakan **penggenapan** nubuat dalam Perjanjian Lama dan menjadi sebahagian daripada **rancangan** Allah untuk menyelamatkan manusia.

S3. Apakah perkara luar biasa yang telah berlaku seurus selepas kematian Yesus? Apakah yang ditunjukkan daripada perkara itu? (a38)

- **Tabir** di Bait Suci terbelah dua.
- Itu menunjukkan bahawa kematian Yesus telah membuka jalan kepada manusia berdosa untuk mempunyai **hubungan** dengan Allah.

S4. Siapakah Yesus menurut ketua tentera? Apakah yang dimaksudkannya? (a39)

- Ketua tentera itu berkata bahawa benarlah Yesus **Anak Allah**.
- Dia mengakui Yesus sebagai **Raja** dan **Allah**.

S5. Siapakah yang berada di sana sewaktu Yesus mati? Apakah yang ditunjukkan daripada kehadiran mereka itu? (a40-41)

- **Wanita-wanita** yang telah mengikut dan menolong Yesus ketika Dia di Galilea.
- Itu menunjukkan bahawa terdapat **saksi-saksi** tentang kematian Yesus.

7. Nota tambahan:

- Waktu orang Yahudi bermula dari pukul 6 pagi (jam pertama). Oleh itu, jam ke-6 hingga jam ke-9 ialah pukul 12 tengah hari hingga pukul 3 petang.
- Kegelapan biasanya digunakan dalam Perjanjian Lama untuk melambangkan penghakiman Allah.
- Di kayu salib Yesus menanggung penghakiman Allah kerana dosa-dosa kita atas Diri-Nya.
- Mazmur 22 ditulis oleh Daud, leluhur Yesus, kira-kira 1000 tahun sebelum Yesus dilahirkan ke dunia. Seluruh Mazmur tersebut ialah nubuat yang mengisahkan penderitaan Yesus, kematian dan juga kebangkitan-Nya.
- Tirai di Bait Suci memisahkan ruangan 'Yang Paling Suci' (di mana Allah hadir), daripada para penyembah-Nya di Bait Suci. Ini menunjukkan bahawa manusia dipisahkan daripada Allah kerana dosa.
- Kematian Yesus yang berfungsi sebagai korban satu kali sahaja dan yang sempurna untuk penebusan dosa, membolehkan manusia datang kepada Allah. Dan itu ditunjukkan ketika tirai di Bait Suci terbelah dua. Sekarang kita mempunyai akses kepada Allah melalui Yesus.

8. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan, dan tanyalah mereka bagaimana sambutan mereka kepada-Nya.
- Terdapat 3 kumpulan orang yang digambarkan dalam Injil Markus pada 3 jam terakhir kehidupan Yesus.
 - a) Para saksi yang mengejek Yesus dan sedang menunggu untuk melihat sama ada Elia akan menurunkan-Nya dari salib.
 - b) Ketua tentera Roma yang mengakui Yesus sebagai Anak Allah.
 - c) Wanita-wanita yang mengikut dan melayani Yesus semasa Dia berada di Galilea.
 - Kelompok yang manakah boleh anda kaitkan diri anda?
 - a) Para penonton – yang telah melihat siapa Yesus dan mendengar kata-kata-Nya mengenai siapa Dia, tetapi bertindak mentertawakan-Nya. Adakah anda telah memutuskan bahawa anda tidak akan mempercayai Yesus kecuali Dia melakukan beberapa mukjizat yang ajaib? Jika itu anda, mungkin anda gagal melihat mukjizat yang paling ajaib daripada segala-galanya bahawa Allah sendiri mati di salib untuk menanggung hukuman dosa-dosa saya dan anda.
 - b) Ketua tentera Roma – yang mengerti kematian Yesus dan mengakui Dia sebagai Anak Allah. Mungkin anda mengikuti pembelajaran selama ini, dan telah melihat dan percaya bahawa Yesus benar-benar seperti yang Dia katakan. Jika itu anda, adakah anda mahu mengambil langkah untuk percaya dan mengikut-Nya?
 - c) Wanita yang mengikuti Dia – mereka telah melayani Yesus semasa Dia berada di Galilea dan percaya kepada-Nya. Mungkin anda sekarang pengikut Yesus, dan telah mempercayai Dia untuk waktu yang lama. Persoalannya, adakah berita baik Injil bahawa Yesus mati untuk anda dan bangkit semula telah kehilangan makna dan keindahannya bagi anda?

9. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpul

10. Mengkaji lebih dalam: 1 Yohanes 4:10

- Allah sememangnya Allah yang penyayang.
- Dia telah menunjukkan kasih-Nya dalam banyak cara!
- Bolehkah anda memikirkan beberapa cara Allah mengasihi anda?
- Allah sangat mengasihi kita sehingga Dia mengutus Anak-Nya Yesus, menjadi korban pendamaian (korban yang menghilangkan amarah dan penghakiman Allah) untuk dosa-dosa kita.
- Yesus mati, menanggung dosa-dosa kita, dan menerima hukuman yang sepenuhnya bagi dosa-dosa itu supaya kita dapat didamaikan dengan Allah.
- Kita sering dahaga akan kasih sayang tetapi kadangkala kita gagal mengenali kasih apabila ditunjukkan-Nya.
- Dan selalunya, kita cenderung tidak menghargai kasih Allah.
- Marilah kita mengingati kasih-Nya kepada kita yang ditunjukkan dengan jelas di salib, di mana Yesus mati untuk saya dan anda.

11. Cadangan lagu penutup: *The Gospel Song* (Penulis lagu: Bob Kauflin dan Drew Jones)

12. Doa penutup.

Nota Ketua - Pelajaran 15: Apakah yang telah Yesus lakukan? Kebangkitan Yesus (Markus 16: 1-8)

1. **Doa pembukaan.**

2. **Cadangan lagu pembukaan:** Rayakan Yesus (Penulis lagu: Gary Oliver).

3. **Sebagai pemula:**

Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk berbincang atau berkongsi tentang kejutan terbesar yang pernah dialami mereka dalam hidup dan reaksi mereka terhadap kejutan tersebut.

4. **Ulang kaji Markus 15:33-41:**

Ulang kaji semua soalan untuk membantu mereka mengingati apa yang telah dipelajari mereka pada minggu sebelumnya.

5. **Permainan: Kebangkitan!**

Bahan-bahan yang diperlukan: Beberapa gulung kertas tandas.

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan.
- Setiap kumpulan diberi segulung kertas tandas.
- Seorang pelajar daripada kumpulan dipilih untuk "dibalut" dengan kertas tandas dari kepala ke kaki, sebagaimana orang mati dikapankan pada zaman Yesus.
- Ahli kumpulan mestilah bekerjasama menggunakan seluruh gulung kertas tandas itu untuk membalut sahabat mereka.
- Kumpulan terpanjang dengan balutan yang paling kemas akan menang.
- Selepas itu, untuk pusingan ke-2, ahli kumpulan hendaklah membuka balutan kertas tandas daripada tubuh sahabat mereka dengan sekemas dan secepat mungkin.

6. **Meneliti petikan:**

Ajak pelajar membaca Markus 16:1 – 8

Jawab semua soalan berdasarkan petikan.

S1. Siapakah yang pertama sekali pergi ke makam di mana Yesus dibaringkan 3 hari selepas kematian-Nya? Mengapakah mereka pergi ke situ? (a1-2)

- **Maria Magdelina, Maria** ibu Yakobus dan **Salome.**
- Mereka pergi ke sana membawa ramuan **rempah** untuk melumuri jenazah Yesus.

S2. Apakah yang dirisaukan mereka dan apa pula yang didapati mereka apabila mereka sampai di makam tersebut? (a3-4)

- Mereka risau tentang siapa yang akan menggulingkan **batu** daripada pintu makam, tetapi ketika mereka sampai, mereka mendapati batu yang sangat besar itu telah pun **digulingkan**.

S3. Siapakah yang ditemui mereka dan apakah yang dikatakannya kepada mereka? (a5-7)

- Mereka melihat seorang **pemuda berbaju putih** yang memberitahu mereka bahawa **Yesus** yang telah disalib, telah **bangkit**.
- Dia juga menyuruh supaya mereka **memberitahu murid-murid-Nya**, termasuk **Petrus** bahawa Yesus akan mendahului mereka ke Galilea dan mereka akan **melihat-Nya** seperti yang telah dikatakan-Nya kepada mereka.

S4. Apakah reaksi awal wanita-wanita itu terhadap kejadian tersebut? (a8)

- Mereka pun segera **keluar** dan **berlari** meninggalkan makam itu, kerana mereka gementar dan kehairanan.
- Mereka tidak **berkata** apa-apa kepada sesiapa, kerana mereka **takut**.

7. Nota tambahan:

- Kisah kebangkitan Yesus memang benar dan boleh dipercayai.
- Orang pertama yang menyaksikan kebangkitan-Nya ialah wanita. (Pada zaman Yesus, kesaksian wanita dianggap tidak boleh dipercayai. Hakikat bahawa penulis Injil memberitahu bahawa wanitalah yang menjadi saksi pertama, dan bukan lelaki yang dihormati, menunjukkan bahawa kisah kebangkitan Yesus adalah benar.)
- Perhatikan bahawa sambutan awal wanita-wanita tersebut ialah rasa takut dan terkejut, sehingga mereka tidak mengatakan apa-apa kepada sesiapa pun. Ini seterusnya mengukuhkan fakta bahawa penulis telah memaparkan kisah sebenar tentang kebangkitan Yesus.

8. Berfikir-fikirlah:

- Bahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan soalan-soalan, terutamanya mengapa kebangkitan Yesus sangat penting, apa implikasinya dan bagaimana mereka harus menyambut Dia.
- Yesus hidup – Dia hidup selama-lamanya!
- Mengapakah begitu sukar untuk dipercayai?
- Kita telah diperlihatkan beberapa sebab kisah kebangkitan Yesus itu benar dan boleh dipercayai.
- Kebangkitan Yesus menunjukkan bahawa kematian tidak dapat menahan atau mengalahkan Dia!
- Dia bangkit dan menang!

- Ini bermakna bahawa kita tidak perlu takut akan kematian jika kita percaya kepada-Nya!
- Sebabnya Yesus sendiri telah mengalahkan dosa dan kematian!
- Sekiranya Yesus tidak mengalahkan kematian, hidup dan memerintah selamanya, bagaimanakah mungkin Dia menawari kita harapan untuk hidup kekal?
- Tetapi kerana Dia hidup, kita dapat mengatakan dengan penuh keyakinan bahawa kita akan hidup bersama-sama Dia juga!
- Kematian telah hilang kemenangannya dan kubur telah dinafikan – kerana Yesus hidup selamanya!

9. Sambutan kepada Firman Allah: Masa doa berkumpul

10. Mengkaji lebih dalam: 1 Petrus 1:3

- Petrus menulis bahawa kita harus bersyukur kepada Allah Bapa kerana Dia telah memberi kita harapan untuk hidup.
- Sesungguhnya, harapan ini tidak luput kerana Yesus hidup dan telah bangkit.
- Harapan indah ini tidak lain daripada kehidupan kekal yang dijanjikan Allah kepada semua orang yang percaya kepada Yesus.
- Yesus hidup dan mereka yang percaya kepada-Nya tidak akan mati tetapi hidup bersama-sama Dia!

11. Cadangan lagu penutup: *Alive, Alive My Saviour Is Alive* (lagu Christian popular kanak-kanak) atau *Before The World Began* (Russel Fragar)

12. Doa penutup.